

NO. SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN  
AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam menyelesaikan isu pemilikan tanah kepada semua peneroka FELDA selaras dengan hasrat awal penggubalan Akta GSA oleh Almarhum Tun Abdul Razak pada 27 April 1960, untuk memberikan tanah kepada rakyat yang tidak memiliki tanah.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberimilikan tanah dalam rancangan FELDA adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 10, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 iaitu:

10. (1) *Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Pemungut, bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri boleh-*
- a) *memberi milik mana-mana pegangan luar bandar; dan*
  - b) *membenarkan penghunian mana-mana pegangan luar bandar jangkaan hak milik atau pegangan bandaran jangkaan hak milik.*
- (2) *Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Pengarah, bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri, boleh memberi milik mana-mana pegangan bandaran.*

FELDA hanya akan mengesyorkan dan membuat permohonan hakmilik bagi peneroka yang layak kepada kerajaan Negeri. Perkara-perkara yang berikut perlu diambil kira sebelum permohonan dimajukan kepada kerajaan Negeri:

1) *Daftar pegangan (Register of Holdings)*

Peneroka yang didaftarkan dalam daftar pegangan mestilah memenuhi syarat dalam seksyen 19 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

## 2) Bayaran kembali (BK)

Bayaran kembali adalah bayaran semula oleh peneroka terhadap kos pembangunan oleh FELDA dan bayaran cukai tahunan disatukan (*Consolidated Annual Charges – CAC*) kepada kerajaan Negeri.

## 3) Pewartaan

Pemberimilikan Tanah dalam kawasan FELDA adalah tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang mana berkehendakkan Kerajaan Negeri mengisytiharkan kawasan tersebut dalam Seksyen 4, 5 dan 6 sebelum diberi milik.

Walau bagaimanapun, berdasarkan keputusan kerajaan, bermula pada 1 Januari 1990 tiada lagi pengambilan peneroka baru. Mana-mana kawasan yang telah dibangunkan adalah dipersetujui untuk ditadbir oleh FELDA supaya dapat mengimbangi pendapatan FELDA untuk membiayai kos operasi FELDA.

Sekian, terima kasih.